

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2003/2004**

**September/Okttober 2003**

**RAK 442 – Sejarah dan Teori Seni Bina 2**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan. Jawab **TIGA** soalan dari **BAHAGIAN A** dan **TIGA** soalan dari **BAHAGIAN B**.

**BAHAGIAN A:** Jawab Soalan 1 (**WAJIB**) dan pilih **DUA** soalan lain. (50 MARKAH).

1. Berdasarkan **gambarajah** di bawah:

	<b>Eksekutif</b>	<b>Legislatif</b>	<b>Judisiari</b>
<b>Rekabentuk</b>	<b>A</b>	<b>B</b>	<b>C</b>
<b>Teknologi</b>	<b>D</b>	<b>E</b>	<b>F</b>
<b>Pengurusan Binaan</b>	<b>G</b>	<b>H</b>	<b>J</b>

Terangkan dengan contoh seni bina, mana-mana tiga hubungkait di atas.

(10 markah)

2. (a) Apa definisi kuasa?  
(b) Apakah fungsi kuasa dalam menjana mana-mana seni bina di kawasan Laut Teduh?  
(c) Apakah had penentuan kuasa ini dalam penghasilan seni bina?  
(d) Bagaimanakah kuasa ini dapat memanfaatkan seluruh bumi?

(20 markah)

3. (a) Apakah perbezaan di antara peranan pemerintah dan kerajaan dalam penghasilan seni bina?  
(b) Apakah perbezaan di antara seni bina OLEH dan UNTUK kerajaan di kawasan Laut Teduh.  
(c) Apakah perbezaan di antara seni bina OLEH dan UNTUK pemerintahnya.  
(d) Apakah perbezaan di antara seni bina OLEH dan UNTUK rakyatnya?

(20 markah)

4. (a) Lakarkan gambarajah perkembangan tamadun mengikut kitaran benar dan tidak benar.
- (b) Dudukkan satu tamadun Melayu, Cina ATAU India di dalam gambarajah di atas.
- (c) Apakah pelajaran utama yang didapati dari tindan-tindih ini?
- (d) Bagaimakah pelajaran ini boleh dimanfaatkan dalam penghasilan seni bina kini.
- (20 markah)
5. (a) Apakah peranan pentadbiran British di Malaya, dilihat dari bangunannya?
- (b) Bagaimakah pentadbiran ini dilihat dari susunatur bandar?
- (c) Apakah perbezaannya dengan bangunan pentadbiran pasca Merdeka?
- (d) Apakah perbezaannya dengan bangunan pentadbiran kini?
- (20 markah)

**BAHAGIAN B:** Jawab SEMUA soalan. (50 MARKAH).

6. Huraikan bagaimana sistem '*batch production*' dapat membantu arkitek mengolahkan stail reka bentuk yang tidak homogenous. Apakah perbezaannya dengan sistem '*mass production*' dalam industri binaan?
- (15 markah)
7. Huraikan perbezaan antara konsep reka bentuk 'regionalisma' dengan konsep reka bentuk '*sustainable*' berdasarkan fokus pihak-pihak yang terlibat dalam industri binaan dalam menangani sesuatu model reka bentuk.
- (15 markah)
8. Dalam Kuliah 1, satu perbincangan telah diadakan mengenai ciri-ciri sistem teknik binaan yang digunakan di negara kita, yang berasal daripada tamadun barat. Huraikan kaitannya dengan sejarah teknik binaan tersebut (Hint: dari zaman Greek hingga 'universal' dan sekarang).
- (20 markah)